

01/11/2003

Saintis Malaysia mampu menang Hadiah Nobel

Sazarina Shahrim

KUALA LUMPUR: Malaysia mampu menghasilkan pemenang Hadiah Nobel menjelang

2020 seperti yang diharapkan Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad jika strategi yang disusun tepat dan sistematik, serta mendapat sokongan setiap pihak.

Pengarah Eksekutif Akademi Sains Malaysia (ASM), Datuk Dr Samsudin Tugiman, berkata ini adalah kerana negara memiliki 1,500 saintis yang berpotensi dan berkeupayaan.

"Seramai 1,500 saintis di seluruh negara ini menjalankan kajian penting yang merangkumi pelbagai bidang seperti perubatan, fizik, kimia dan lain-lain lagi," katanya pada sidang media mengenai Pameran Ulang tahun ke-100

Hadiah Nobel pada 20 Mac hingga 27 Jun depan, di pejabatnya, baru-baru ini.

Samsudin berkata, harapan berunsur cabaran yang dilontarkan Dr Mahathir pada 2001 itu juga boleh dianggap sebagai pencetus kepada pembangunan kajian, terutamanya dalam bidang sains.

"Cabaran Dr Mahathir itu tidak harus dilihat semata-mata untuk memenangi Hadiah Nobel, tetapi harus dilihat sebagai cabaran bagi meningkatkan usaha saintis tempatan ke tahap yang tinggi setanding dengan negara maju.

"Selepas cabaran itu dibuat pada 2001, saya dapat lihat bahawa terdapatnya perbezaan terhadap usaha yang dilakukan oleh saintis tempatan untuk lebih kreatif dalam menghasilkan teknologi atau kajian baru. Tanpa cabaran ini, mereka pasti akan berada pada takuk lama," katanya.

Katanya, cabaran itu juga menyebabkan dunia sains melihat Malaysia dengan lebih serius kerana rakyat negara ini mampu berdepan dengan cabaran.

"Kecemerlangan saintis negara dalam bidang sains dan kajian saintifik di kalangan negara membangun, kini menjadi perbualan banyak pihak di luar negara," katanya.

Mengenai pameran antarabangsa yang dianjurkan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Moste) serta ASN itu, beliau berkata, ia bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai Hadiah Nobel dan sumbangan saintifik yang diberikan oleh pemenang sebelum ini.

Selain itu, katanya, pameran berkenaan juga bertujuan memberi aspirasi kepada rakyat Malaysia untuk melakukan yang terbaik dalam pelbagai bidang terutamanya sains.

Samsudin berkata, pemilihan Malaysia sebagai tuan rumah adalah kerana hubungan erat yang sudah lama terjalin antara Moste dan penyelia Hadiah Nobel, Akademi Sweden.

Beliau berkata, pameran yang julung kali diadakan di Asia Tenggara itu kelak dijangka menarik 500,000 pengunjung tempatan dan juga luar negara.

Beberapa aktiviti sempena pameran itu akan dilaksanakan seperti forum, pidato dan kem motivasi saintifik yang dibuka kepada orang ramai.